

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA INDUK PUSPANITA NEGERI SELANGOR**  
**BIL. 1/2016 – SESI 2016/2018**

---

Tarikh : 12 Februari 2016 / 27 3 Jamadil Awal 1437H  
(Jumaat)  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor,  
Tingkat 19, Bangunan SSAAS,  
40503 Shah Alam.

**HADIR:**

1. YBhg. Datin Habbulmatain Binti Maliki - Pengerusi Mesyuarat  
Pengerusi,  
PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor
2. Puan Roziah Binti Alias  
Timbalan Pengerusi,  
PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor
3. YBhg. Datin Saliza Binti Shafie  
Timbalan Pengerusi,  
PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor
4. Puan Lailatun Binti Abdul Hamid,  
Bendahari
5. Puan Nur Nazirah Binti Mat Jedi  
Penolong Bendahari
6. Puan Yusnaiza Noor Binti Mohd. Yusoff,  
Ahli Jawatankuasa
7. Puan Kalsom Binti Samad,  
Ahli Jawatankuasa
8. Puan Moryannah Binti Jamion,  
Ahli Jawatankuasa
9. Puan Nor Aizarina Binti Mat Isa,  
Ahli Jawatankuasa
10. Puan Che Rosnah Binti Hj. Saidin  
Ahli Jawatankuasa
11. Puan Norhayati Binti Mohd Noor  
Ahli Jawatankuasa
12. Cik Murni Binti Husran  
Ahli Jawatankuasa
13. Puan Zaimah Binti Ab. Razak,  
Setiausaha Kerja

14. Puan Aniza Binti Ismail  
Mewakili Puan Wan Zarina Binti Wan Salleh
15. Puan Shamsiah Binti Sukri  
Mewakili Datin Hajah Zainon Binti Bakar
16. Puan Ruzaidah Binti Mansor,  
Setiausaha - Setiausaha

**TIDAK HADIR (bersebab) :**

17. Y.Bhg. Datin Hajjah Dely Zarina Binti Kassim,  
Timbalan Pengerusi I,  
PUSPANITA Negeri Selangor
18. YBhg. Datin Zainon Binti Bakar  
Pengerusi Biro Sosial
19. Puan Zuraida Binti Zulkifli,  
Pengerusi Biro Pendidikan
20. Puan Wan Zarina Binti Wan Salleh,  
Pengerusi Biro Kebajikan

## 1. UCAPAN Pengerusi

- 1.1 Y.Bhg. Datin Pengerusi mengucapkan salam dan penghargaan terima kasih juga tahniah kepada semua Ahli-ahli Jawatankuasa Induk yang telah terpilih semasa Mesyuarat Agung Ke-32 Tahun 2016 PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor ke mesyuarat yang pertama tahun 2016 bagi Sesi 2016 / 2018 . Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah.
- 1.2 YBhg. Datin Pengerusi telah memperkenalkan Setiausaha baharu PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor iaitu Puan Ruzaidah Binti Mansor, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Teknologi Maklumat yang telah menggantikan Puan Aziah Binti Kamaruddin.

## 2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA Negeri Selangor Bil. 1/2016 (**Sesi 2014/2016**) bertarikh 8 Januari 2016 disahkan oleh Puan Yusnaiza Noor Binti Mohd. Yusoff dan disokong oleh Puan Kalsom Binti Samad.

## 3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

	<b>PERKARA</b>	<b>MAKLUMBALAS</b>	<b>TINDAKAN</b>
3.1	Cadangan Lawatan ke Perlis	Lawatan akan diteruskan bagi kalendar aktiviti tahun 2016 (Sesi 2016/2018)	Biro Kebudayaan
3.2	Cadangan Kenaan Bayaran Bagi Mengikuti Program	Mesyuarat bersetuju untuk mengenakan bayaran minima (kadar akan ditetapkan kemudian) atau bayaran komitmen ( <i>comitment fees</i> ) kepada ahli-ahli PUSPANITA dikenali sebagai bayaran komitmen ( <i>comitment fees</i> ) yang mengikuti program yang melibatkan kos bagi memastikan ahli-ahli tidak menarik diri di saat-saat akhir tanpa sebab yang munasabah.	Semua AJK
3.3	Pertandingan Boling Padang	Program dipersetujui untuk diteruskan di dalam kalendar	Biro Sukan

	aktiviti tahun 2016 (Sesi 2016/2018)	
3.4	Sumbangan Kebajikan kepada Ahli-ahli PUSPANITA	Mesyuarat mengambil maklum saranan Biro Kebajikan agar pemakluman segera dilakukan kepada mereka sekiranya berlaku hal-hal kematian / sakit terhadap ahli-ahli PUSPANITA.
		Biri Kebajikan

#### 4. LAPORAN KEWANGAN SEHINGGA 12 FEBRUARI 2015 OLEH BENDAHARI

4.1 Mesyuarat mengambil maklum laporan kewangan PUSPANITA Negeri Selangor sehingga 12 Februari 2016 berbaki sebanyak RM177,202.68 (seperti butiran di bawah) dan simpanan tetap berjumlah RM381,156.09 manakala tunai di tangan adalah sebanyak RM661.15

Perkara	RM	RM
Baki di bank pada 1/1/2016	33,460.22	
Pendapatan: Peruntukan yang diterima	200,000.00	
Subsidi PUSPANITA Kebangsaan	-	
iM4U	-	
Sewa Gerai dan kiosk	-	
Yuran Gerai dan ahli	-	
<b>Jumlah</b>		<b>233,460.22</b>
Perbelanjaan:		(56,257.54)
<b>Baki setakat 12/02/2016</b>		<b>177,202.68</b>

4.2 Mesyuarat bersetuju agar PUSPANITA Negeri Selangor membuat surat permohonan sumbangan kewangan kepada pihak-pihak berikut:

- a) YAB. Dato' Menteri Besar Selangor;
- b) YB. Pegawai Kewangan Negeri Selangor;
- c) PEKAWANIS; dan
- d) Penganjuran program bersama dengan Jawatankuasa Tetap.

**Tindakan: Setiausaha**

## 5. PERLANTIKAN PORTFOLIO AHLI-AHLI JAWATANKUASA SESI 2016/2018

- 5.1 Mesyuarat telah mengambil maklum dan bersetuju cadangan YBhg. Datin Pengerusi untuk mengekalkan ahli-ahli jawatankuasa terdahulu bagi Sesi 2016/2018 iaitu;

Bil.	Nama	Jawatan
1.	Puan Lailatun Binti Abdul Hamid	Bendahari
2.	Puan Nur Nazirah Binti Mohd. Jedi	Penolong Bendahari
3.	Puan Zaimah Binti Ab. Razak	Setiausaha Kerja

- 5.2 Mesyuarat telah mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan YBhg. Datin Pengerusi bagi pengisian portfolio yang sedia ada oleh ahli-ahli jawatankuasa yang telah terpilih semula semasa mesyuarat agung lalu dan melantik beberapa ahli-ahli PUSPANITA sebagai tambahan barisan ahli-ahli jawatankuasa bagi mengisi portfolio yang masih kosong seperti berikut:

Bil.	Nama	Status	Portfolio
1.	Puan Ruzaidah Binti Mansor	Lantikan	Setiausaha
2.	Puan Nor Aizarina Binti Mat Isa, Lembaga Hasil Dalam Negeri	Dipilih semasa AGM	Pemeriksa Kira-Kira 1
3.	Puan Yusnaiza Noor Binti Mohd. Yusoff, Majlis Sukan Negeri Selangor	Dipilih semasa AGM	Biro Sukan
4.	Puan Kalsom Binti Samad, PADAT	Dipilih semasa AGM	Biro Kebudayaan
5.	Puan Moryannah Binti Jamion, Perbendaharaan Negeri Selangor	Dipilih semasa AGM	Biro Keahlian
6.	Puan Wan Zarina Binti Wan Salleh, Jabatan Kebajikan Masyarakat	Dipilih semasa AGM	Biro Kebajikan
7.	Puan Zuraida Binti Zulkifli, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor	Dipilih semasa AGM	Biro Pendidikan

8.	Puan Che Rosnah Binti Haji Sidin, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	Dipilih semasa AGM	Biro Pembangunan Keluarga
9.	Puan Norhayati Binti Mohd. Noor, Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Baru	Dipilih semasa AGM	Pemeriksa Kira-Kira 2
10.	Puan Nurjihan Binti Zulkarnain, Bahagian Teknologi Maklumat, SUK	Lantikan	Penolong Setiausaha
11.	Cik Murni Bin Husran, Setiausaha kepada YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Lantikan	Pembantu Setiausaha
12.	Datin Zainon Binti Bakar Majlis Bandaraya Shah Alam	Lantikan	Biro Sosial
13.	Puan Norfarani Binti Harun, Jabatan Agama Islam Selangor	Lantikan	Biro Agama
14.	Puan Norazian Binti Ahmad, Bahagian Teknologi Maklumat, SUK	Lantikan	Biro ICT dan Seranta
15.	Puan Zafirah Binti Zainuddin, Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor	Lantikan	Biro Usahawan
16.	Puan Shamsiah Binti Sukri Majlis Bandaraya Shah Alam	Lantikan	Pemegang Amanah
17.	Cadangan Pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Lantikan	Biro TASKA

5.3 Mesyuarat bersetuju jika terdapat sebarang pindaan, mohon dimaklumkan kepada YBhg. Datin Pengerusi, Setiausaha dan Puan Zaimah melalui emel atau khidmat aplikasi *whatsapp* / sistem pesanan ringkas (sms) bagi perkara-perkara berikut:

- a. perubahan portfolio sekiranya ada dikalangan ahli-ahli jawatankuasa yang bersetuju untuk membuat pertukaran.

- b. Semua Pengerusi Biro dipohon untuk memilih empat (4) orang ahli-ahli jawatankuasa kecil dan memaklumkan secara emel kepada Puan Zaimah; dan
- c. Semua Pengerusi Biro juga dipohon untuk mencadangkan 3 program untuk dilaksanakan bagi takwim aktiviti tahun 2016 kepada Puan Zaimah sebelum atau pada 29 hb Februari 2016 secara emel;

**Tindakan: Semua AJK**

## **6. POST MORTEM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-32 TAHUN 2016 PUSPANITA NEGERI SELANGOR**

- 6.1 Mesyuarat mengambil maklum penganjuran mesyuarat Agung Ke-32 Tahun 2016 PUSPANITA Negeri Selangor pada 26 Januari 2016 yang lepas.
- 6.2 Mesyuarat mengambil maklum kejayaan penganjuran mesyuarat agung tersebut yang berjalan dengan lancar dan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa yang memberikan komitmen sepenuhnya.
- 6.3 YBhg. Datin Pengerusi juga mengucapkan penghargaan tahniah kepada YBhg. Datin Saliza Binti Shafie kerana berjaya mengendalikan sesi pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa bagi sesi 2016/2018.

**Tindakan: Makluman**

- 6.4 Mesyuarat mengambil maklum penjelasan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli PUSPANITA semasa mesyuarat agung tersebut iaitu:

### **a. Kos Perbelanjaan Program Pengajian Berkitab Pada Setiap Bulan Oleh Biro Agama**

- Puan Yusnaiza Noor telah menjelaskan bahawa kos pelaksanaan program tersebut adalah berpatutan kerana dilaksanakan sebanyak 11 kali dengan kos RM480.00 untuk sekali program dan kebiasaannya program anjuran Biro Agama akan

mendapat sambutan yang menggalakkan dari ahli-ahli.

**Tindakan: Makluman**

**b. Laporan Kewangan berakhir 31 Disember 2015**

- Puan Nor Aizarina telah menjelaskan bahawa laporan kewangan yang dibentangkan telah disemak dan perbincangan bersama oleh Juru audit Dalaman, Bendahari dan Penolong Bendahari juga menjangkakan persoalan yang akan dibangkitkan. Namun kekangan masa dengan tugas hakiki dan kursus menyebabkan ada butiran yang terlepas pandang. Cadangan agar fail kewangan dibawa bersama semasa sesi pembentangan tersebut untuk rujukan.

**Tindakan: Bendahari dan Pemeriksa Kira-Kira**

**c. Laporan Kewangan TASKA PUSPANITA**

- Biro TASKA juga disaran mengwujudkan rekod perakaunan bagi tujuan pemantauan oleh pengurusan tertinggi PUSPANITA.

**Tindakan: Biro TASKA**

## **7. PERBINCANGAN AKTIVITI-AKTIVITI**

- 7.1 Mesyuarat bersetuju perbincangan bagi perkara berikut ditangguhkan ke Mesyuarat Khas yang akan diadakan kemudian iaitu:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Status Terkini</b>
A.	Cadangan Sewaan Tanah PUSPANITA Negeri Selangor di Seksyen 7, Shah Alam, Bagi Tujuan Lapang Sasar Memanah oleh Tetuan Bows & Arrow	- Perlu mencari sekurang-kurangnya 2 lagi sebutharga bagi tujuan perbandingan kos;  - Cadangan oleh Tetuan Bows & Arrows Academy



	Academy	<p>untuk menyewa sebagai tapak lapang sasa memamah perlu diperincikan dan mencari cadangan-cadangan pihak lain yang berminat.</p> <p><b>Tindakan : Pengerusi Biro Sukan</b></p>
B.	<p>TASKA PUSPANITA di Seksyen 4, Shah Alam.</p> <p><b>Jumlah kanak-kanak: 25 orang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2-4 tahun : 17 orang</li> <li>• Transit sekolah: 9 orang</li> <li>• Bayaran RM150.00 / orang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Masih lagi dalam proses melengkapkan borang MBSA bagi pendaftaran secara sah dan untuk memenuhi keperluan modul TASKA PERMATA PUSPANITA;</li> <li>- Proses untuk mendaftarkan potongan KWSP dan PERKESO untuk pengasuh TASKA;</li> <li>- Mesyuarat bersetuju untuk menaikkan kadar penjagaan kanak-kanak tersebut kepada RM200.00 sebulan bagi setiap anak mulai April 2015 dengan notis makluman 3 bulan sebelumnya (Januari 2016);</li> <li>- Proses pertukaran nama kepada TASKA PERMATA; dan</li> <li>- Perbincangan lanjut bagi mengimbangi kewangan TASKA perlu dilakukan bersama Pengerusi Biro Usahawan.</li> </ul> <p><b>Tindakan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengerusi Biro TASKA</b></li> <li>• <b>Pengerusi Biro Usahawan</b></li> </ul>
C.	KIOSK PUSPANITA	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kadar sewaan semasa RM1,800.00</li> <li>- Tamat pada bulan Oktober 2016 dan perlu semakan</li> </ul>

		<p>semula kontrak perjanjian 3 bulan sebelumnya untuk proses kenaikan kadar sewa.</p> <p><b>Tindakan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengerusi Biro Usahawan</b></li> </ul>
D.	<p>Sewaan Tapak Jualan Mingguan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- 10 tapak</li> </ul>	<p>- Kadar sewaan baru telah dilaksanakan RM70.00 kepada RM100.00 mulai bulan Februari 2016.</p> <p><b>Tindakan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pengerusi Biro Usahawan</b></li> </ul>

## 8. HAL-HAL LAIN

### 8.1 Pemakluman Cadangan Perletakan Jawatan Sebagai Bendahari PUSPANITA Cawangan Negeri Selangor

- a. Mesyuarat mengambil maklum hasrat Puan Lailatun untuk meletakkan jawatan sebagai Bendahari berikutan tempoh perkhidmatan beliau di dalam kerajaan adalah sehingga Disember 2016;
- b. Beliau juga akan mencadang dan memperkenalkan calon jika dipersetujui oleh YBhg. Datin Pengerusi selepas bulan Mac 2016 (bagi tempoh peralihan selama 1 bulan); dan
- c. Berikutan hasrat Puan Lailatun tersebut, jawatan Penolong Bendahari juga akan dilepaskan oleh Puan Nur Nazirah dengan tujuan bagi memudahkan pelaksanaan tugas-tugas berkaitan akaun dan kewangan melalui jabatan yang sama bagi calon Bendahari.

Tindakan: Bendahari dan Makluman

### 8.2 Cadangan Pembukaan Booth / Gerai Jualan di Foyer Utama, Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS

- a) Mesyuarat bersetuju cadangan Puan Ruzaidah untuk mengadakan booth jualan / pameran sebulan sekali di Foyer Utama. Sehubungan itu surat permohonan untuk menggunakan

ruangan tersebut hendaklah dimajukan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

**Tindakan: Setiausaha dan Biro Usahawan**

- b) Biro Keahlian juga boleh mengambil kesempatan tersebut untuk membuka kaunter pendaftaran dan penyerahan kad keahlian.

**Tindakan: Biro Keahlian**

### 8.3 Cadangan Pembelian Baju Seragam PUSPANITA

- a) Mesyuarat telah bersetuju untuk membeli sebanyak 200 helai kain seragam PUSPANITA yang berharga RM79.50 / helai termasuk kos GST dari PUSPANITA Kebangsaan untuk dijual kepada ahli-ahli PUSPANITA yang berminat.
- b) Manakala untuk ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik hanya diberikan secara percuma sekali sahaja walaupun dipilih lagi untuk sesi berikutnya.

**Tindakan: Setiausaha dan Bendahari**

### 8.4 Majlis Jasamu Dikenang Untuk Ahli-Ahli Jawatankuasa (AJK) Sesi 2014/2016

- a) Mesyuarat telah bersetuju untuk mengadakan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan ahli-ahli jawatankuasa Sesi 2014/2016 seperti butiran berikut:

Tarikh: 11 Mac 2016 (Jumaat)

Tempat: Holiday Villa Subang

Masa: 2.00 – 5.00 petang

- b) Jumlah jemputan adalah dianggarkan 70 orang merangkumi AJK Induk dan AJK Kecil Biro, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Daerah dan jemputan yang diraikan.

## 8.5 Cadangan Pemakluman Program Melalui Sistem Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS)

- a) Mesyuarat mengambil maklum cadangan Puan Ruzaidah iaitu pemakluman program utama PUSPANITA melalui sebaran SMS (SMS blasting) dengan anggaran kadar bayaran perkhidmatan sebantak RM0.10 / nombor. Namun begitu cadangan tersebut perlu disemak semula bagi mengetahui bilangan ahli yang sebenar untuk penetapan peruntukan sekiranya dipersetujui.

**Tindakan: Biro Keahlian**

## 8.6 Elaun Kehadiran Mesyuarat

- a) Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan pemberian elaun kehadiran untuk ahli-ahli jawatankuasa yang menghadiri mesyuarat sebanyak RM50.00 untuk Ahli-ahli Jawatankuasa Induk dan RM30.00 jika diwakili oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Biro

**Tindakan: Makluman**

## 9. PENUTUP

- 9.1 Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 10.30 pagi dan disudahi dengan tasbih kifarah dan Surah Al-Asr.

Disediakan oleh:

**PUAN RUZAIDAH BINTI MANSOR**  
SETIAUSAHA  
PUSPANITA Negeri Selangor

Tarikh: 19 Februari 2015